



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam.

No. Telefon : 04-5497555 No. Faks : 04-5389700, 5395588

Laman web : www.mpsp.gov.my

Lembaga Arkitek Malaysia,
Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur

Ruk : MPSP/ 40/ 1-4/ 7

Tarikh : 1 Mei 2013

Lembaga Jurutera Malaysia,
Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur

Persatuan Pelukis – Pelukis Pelan,
Bangunan Berdaftar Malaysia,
309 Tingkat Bawah, Lorong 9,
Taman Bandar Baru,
Jalan Kelab Cinta Sayang,
08000 Sungai Petani, Kedah.



Tuan,

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENGAWALAN PERLETAKAN BAHAN BINAAN SERTA PERLUPUSAN SISA BINAAN BAGI KERJA-KERJA PEMBINAAN & PENGUBAHSUAIAN PREMIS DI KAWASAN SEBERANG PERAI.

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, jabatan telah membuat pindaan di dalam garis panduan bagi cadangan di atas.
3. Bersama ini dikepilkkan sesalinan garis panduan yang telah diluluskan dalam majlis penuh pada Mac 2013.
4. Walaubagaimanapun tarikh digunakan sepenuhnya bermula 15/ 05/ 2013. Diharap pihak tuan dapat memaklumkan kepada semua Arkitek dan Jurutera terhadap perubahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

AHMAD NASYRUDDIN BIN ISMAIL
Pengarah Bangunan
b.p. Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

s.k : OSC – Disertakan lampiran



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 1856



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0504

Jabatan Khidmat Pengurusan: 04-5497763 Jabatan Undang-Undang: 04-5497525
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan: 04-5497734 Jabatan Kejuruteraan: 04-5497549
Jabatan Bangunan: 04-5497589 Jabatan Perancang Bandar: 04-5497549
Jabatan Perbendaharaan: 04-5497463 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta: 04-5497493
Jabatan Kemasyarakatan: 04-5497489 Jabatan Pelepasan: 04-5497685
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran: 04-5497639 Jabatan Pesuruhjaya Bangunan: 04-5497436
Jabatan Direktorat Pengukuasaan: 04-5402576 Urusetia Pusat Setempat: 04-5497702
Biro Pengaduan Awam: 04-5497700/490 Hot Line: 04-5372658

**GARISPANDUAN CADANGAN PENAMBAIKAN PENGAWALAN PERLETAKAN
BAHAN BINAAN SERTA PELUPUSAN SISA BINAAN BAGI KERJA – KERJA
PEMBINAAN & PENGUBAHSUAIAN PREMIS DI KAWASAN SEBERANG PERAI.**

CADANGAN PENAMBAIKAN

- 1.0 Bayaran cagaran pelan bangunan yang dikenakan adalah berdasarkan tambahan dan pindaan keluasan yang terlibat iaitu:
 - 1.1.1 keluasan dari 0 – 30sqm(minimum) : Jumlah cagaran yang dikenakan sebanyak RM500 (cagaran pelan RM250 dan cagaran kebersihan RM250)
 - 1.1.2 keluasan dari 31- 60sqm (medium) : Jumlah cagaran yang dikenakan sebanyak RM750 (cagaran pelan RM500 dan cagaran kebersihan RM250)
 - 1.1.3 Keluasan dari 61 dan keatas (maksimum) : Jumlah cagaran yang dikenakan sebanyak RM1000 (Jumlah cagaran pelan RM750 dan cagaran kebersihan RM250)
- 2.0 Permit pelupusan sisa binaan dan permit sementara perletakan bahan binaan ini terpakai kepada semua jenis permohonan kecuali :
 - a. Permohonan kategori Skim & Komplek perniagaan.
 - b. Pindaan dan tambahan kecil yang tidak melibatkan penggunaan batu-bata seperti pemasangan ‘awning’ dan binaan kecil yang di fikirkan wajar.
- 3.0 Sisa binaan yang tidak digunakan atau hendak dilupuskan mestilah diletakkan di dalam tong roro yang disediakan oleh kontraktor binaan yang dilantik atau pemilik bangunan terbabit. Sisa binaan tersebut perlu dilupuskan ditapak pelupusan yang telah ditetapkan.
- 4.0 Pemohon juga boleh mendapatkan dan memilih kontraktor daripada senarai kontraktor yang menyediakan perkhidmatan sewaan tong roro.(Disediakan oleh Jabatan Khidmat Perbandaran)

- 4.1 Pemilik bangunan atau PSP adalah di kehendaki untuk memastikan kontraktor binaan yang dilantik melupuskan sisa-sisa binaan ke **tapak pelupusan** yang ditetapkan oleh MPSP iaitu di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara dengan mengemukakan resit bayaran pelupusan kepada pegawai yang membuat pengesahan ditapak pelupusan.
- 4.2 Sisa-sisa binaan yang didepositkan di atas jalan atau bahu jalan serta mengganggu laluan awam, tindakan mengkompaun akan **dikeluarkan** oleh MPSP.